



**SHUHAIBUN YUSSUF** (Datuk Haji) (Allahyarham) atau nama penanya Pengembara, dilahirkan pada 1 Januari 1935, di Papar, Sabah dan telah kembali ke rahmatullah pada 25 Mac 2009. Beliau mula menulis semasa menuntut di Pusat Latihan Menggatal, Jesselton (Kota Kinabalu). Mendapat pendidikan akhir di Australia dalam bidang Pengajian Linguistik Bahasa Inggeris (1962-1964) dan jawatan terakhir beliau adalah Pengelola Kebudayaan Belia dan Sukan negeri Sabah. Karya pertamanya merupakan eseи yang berjudul *Jangan Menista*, dan *Macam Mana Mahu Maju* yang tersiar dalam Majalah Pusat Latihan Perguruan Menggatal, pada 13 Mei 1952. Sejak tahun 1958- 1974, lebih seratus buah cerpen beliau telah disiarkan dalam siaran radio negeri Sabah. Beliau

pernah memenangi hadiah ketiga dalam pertandingan cerpen anjuran Jabatan Ketua Menteri pada tahun 1990 dan memenangi hadiah sagu hati Peraduan Menulis Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 1998 dan hadiah penghargaan Peraduan Skrip Drama Pentas. Antara buku-buku hasil air tangannya yang telah terbit adalah *Panduan Berpidato*, *Pemimpin dan Kepimpinan*, *Dugaan Terakhir* (kumpulan cerpen) dan *Kanvas Tanpa Imejan* (Novel) pada tahun 1993. Beliau juga telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah bagi tahun 2000, Tokoh Seni MAKUM 2002 dan Hadiah Sastera Sabah pada tahun 1998/1999.